

Nama: _____

Kelas : _____

SULIT
Pengajian Am
Kertas 2
Set 1
2 jam 40 minit

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2001**

PENGAJIAN AM
Kertas 2
Dua jam empat puluh minit

Arahan Am:

1. Jawab **empat** soalan.
2. Pilih satu soalan daripada tiap-tiap Bahagian **A, B, C, dan D**. Gunakan lembaran kertas yang berlainan bagi tiap-tiap bahagian.
3. Markah untuk soalan atau bahagian soalan diberikan dalam tanda kurung [].

Bahagian A

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah kata. [30 markah]

Soalan 1

Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin :

“Berdasarkan pengalaman lalu, kegiatan cetak rompak telah menyebabkan 29 panggung wayang ditutup pada tahun 1988”. Bincangkan mengapa kegiatan cetak rompak berleluasa dan berikan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasinya.

Soalan 2

Sukan SEA ke XXI baharu sahaja berlalu dan meninggalkan pelbagai kenangan pahit manis yang sukar dilupakan oleh para atlit yang mengambil bahagian serta negara keseluruhannya. Namun demikian di sebalik kegemilangan upacara meriah itu, atlit olahraga negara telah menunjukkan prestasi yang mengecewakan. Ini merupakan fenomena yang kurang sihat.

Menurut pandangan anda, cadangkan usaha-usaha yang perlu dijalankan untuk memajukan mutu sukan negara kita.

Bahagian B

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah kata. [30 markah]

Soalan 3

Salah satu dari cabang MSC ialah Sekolah Bestari.

Bincangkan kebaikan-kebaikan Sekolah Bestari dan langkah-langkah untuk mencapainya.

Soalan 4

“Beberapa pembunuhan dan keganasan membabitkan individu yang mempunyai masalah mental membimbangkan masyarakat”. Dalam kejadian di Johor Bahru, baru-baru ini seorang bekas pesakit mental berusia 32 tahun di Hospital Permai yang bersenjatakan pisau lipat ditembak mati selepas menahan seorang murid darjah empat.

Jelaskan punca-punca sakit mental dan cara-cara mengatasinya.

Bahagian C

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf. [20 markah]

Soalan 5

Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah, sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan perbandingan hak milik modal saham syarikat berhad Malaysia antara tahun 1990 dengan tahun 1995.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia K 6, jumlah hakmilik saham syarikat berhad telah meningkat daripada RM108,377.4 juta pada tahun 1990 kepada RM179,792.2 juta pada tahun 1995.

Dalam tempoh Rancangan tersebut, penyusunan semula ekuiti terus kekal sebagai bahagian penting strategi pengagihan. Walau bagaimanapun, penekanan yang lebih telah diberi kepada peningkatan keupayaan Bumiputera untuk menambah pendapatan dan mengumpul kekayaan melalui pelaburan dalam tabung-tabung amanah seperti ASB, ASN dan tabung-tabung unit amanah negeri. Hasil daripada usaha tersebut, hakmilik Bumiputera (individu, institusi bumiputera dan agensi amanah) dalam ekuiti korporat telah meningkat daripada RM20,877.5 juta pada tahun 1990 kepada RM36,981.2 juta pada tahun 1995 iaitu peningkatan dari 19.3% kepada 20.6%.

Pemilikan ekuiti korporat bukan Bumiputera juga telah meningkat daripada RM51,077.1 juta pada tahun 1990 kepada kira-kira RM78,026.9 juta pada tahun 1995. Ini sebahagian besarnya adalah hasil peningkatan jumlah ekuiti korporat yang dipegang oleh kumpulan etnik Cina. Pemilikan ekuiti kumpulan etnik Cina telah meningkat dalam tempoh Rancangan Malaysia ke 6 daripada RM49,296.5 juta pada tahun 1990 kepada RM73,552.7 juta pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, dari segi peratus, bahagian pemilikan ekuiti korporat kumpulan etnik Cina telah berkurangan daripada 45.5 peratus kepada 40.9 peratus dalam tempoh yang sama kerana pertumbuhan tahunan jumlah ekuiti yang diperolehi mereka adalah lebih rendah daripada kumpulan etnik yang lain. Sebaliknya, jumlah ekuiti korporat yang dipegang oleh kumpulan etnik India telah meningkat hingga melebihi sekali ganda iaitu daripada RM1,068.0 juta pada tahun 1990 kepada RM2723.1 juta pada tahun 1995, manakala kumpulan rakyat di bawah kategori lain-lain telah meningkat daripada RM712.6 juta kepada RM1751.1 juta.

Peningkatan dalam pemilikan ekuiti rakyat asing pada kadar 12.6 peratus setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia ke 6 adalah lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan 12.1 peratus bagi Bumiputera dan 9.0 peratus bagi bukan Bumiputera. Peningkatan ini adalah sejajar dengan kelonggaran syarat dan peraturan berkaitan dengan pemilikan ekuiti korporat yang telah diperkenalkan

dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Hasilnya, bahagian pemilikan ekuiti korporat yang dipegang oleh rakyat asing telah meningkat daripada 25.4 peratus pada tahun 1990 kepada 27.7 peratus pada tahun 1995 iaitu daripada RM27,202.7 juta kepada RM49,792.7 juta.

Sementara pemilikan ekuiti Syarikat Nomini telah menurun daripada 8.5 peratus pada tahun 1990 kepada 8.3 peratus pada tahun 1995. Walau bagaimanapun nilai saham meningkat daripada RM9,220.1 juta kepada RM 14,991.4 juta.

(Dipetik dan diubahsuai daripada Rancangan Malaysia Ketujuh, 1996-2000)

Jawab satu soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf. [20 markah]

Soalan 6

Dengan menggunakan maklumat yang diberikan di bawah ini, sediakan graf bar yang sesuai untuk menunjukkan bilangan pegawai kerajaan ditaja berkursus mengikut peringkat kursus bagi tempoh 1988 – 1992.

Perkhidmatan awam Malaysia mempunyai program latihan yang menyeluruh untuk semua lapisan pegawai dan kakitangan termasuk mereka yang bakal memasukinya. Latihan jangka pendek dan panjang akan ditawarkan kepada kakitangan awam dari semasa ke semasa untuk memastikan perkhidmatan awam sentiasa mempunyai keanggotaan yang berpengetahuan dan terlatih bagi menjamin perkhidmatan cemerlang.

Dari tahun 1986 hingga 1992, sebanyak 27,755 orang pegawai telah diberi peluang mengikuti pelbagai kursus. Ini termasuklah pada tahun 1986, seramai 2,074 orang dan tahun 1987 sebanyak 1,894 orang. Antara kursus yang ditawarkan termasuklah kursus SIJ, iaitu kursus panjang atau pendek seperti program sijil komunikasi, program kursus bahasa Inggeris atau Jepun, latihan perindustrian dan teknikal dan sebagainya. Pengambilan bilangan pegawai untuk kursus ini adalah sebanyak 1,500 pada tahun 1988, 1,600 pada tahun 1989, 1,800 pada tahun 1990, dan 2,150 pada tahun 1991 dan akhir sekali 2,100 pada tahun 1992.

Untuk kursus DLI atau Diploma Lulusan Ijazah pula, 120 orang berpeluang mengikutinya pada tahun 1988. Angka ini turun menjadi 100 orang pada tahun berikutnya. Sejalan dengan dasar Persyarikatan Malaysia, beberapa program telah dijalankan dengan kerjasama firma awam dan swasta. Pegawai kerajaan yang terpilih telah didedahkan kepada pengurusan korporat di sektor swasta melalui program latihan dan penempatan di firma asing luar negara. Dengan ini

pengambilan terus meningkat menjadi 200 dan 250 pada tahun 1990 dan 1991 masing-masing. Pada tahun 1992 angkanya ialah 210 orang.

Kursus SAR (sarjana atau kepakaran) pula melibatkan 350 orang pada tahun 1988, menurun kepada 320 dan 250 masing-masing pada tahun 1989 dan 1990. Walau bagaimanapun pengambilannya meningkat sebanyak 300 orang pada tahun seterusnya menjadikannya tahun paling ramai yang mengikuti kursus di peringkat SAR. Pada tahun 1992 bilangan yang terlibat ialah 270 orang. Kursus PHD (Kedoktoran Falsafah) pula melibatkan tajaan yang kecil bilangannya. Bilangan yang ditaja menggenapkan jumlah tajaan bagi tahun 1988 sebanyak 1994 orang, tahun 1989, 2,022 orang sementara 1990, 2,289 orang dan 3,004 serta 2,708 orang masing-masing bagi tahun 1991 dan 1992.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Institut Tdbiran Awam (INTAN) 1993)

Bahagian D

Jawab **satu** soalan sahaja dalam bahagian ini.

7. Jadual di bawah memaparkan maklumat tentang kemasukan buruh asing yang telah didaftarkan di Jabatan Imigresen Malaysia pada Januari 1996.

(20)


- Berdasarkan jadual ini, huraikan perbezaan pola kemasukan buruh asing ke negara ini dari perspektif negara asal dan kemahiran mereka.
- Bincangkan implikasi kemasukan buruh asing ke negara kita dari aspek sosial dan ekonomi.

Negara asal	Pekerja binaan	Pembantu rumah	Pekerja ladang	Jumlah
Indonesia	106 890	45 678	68 245	220 813
Bangladesh	45 785	89	2 459	48 333
Thailand	4 321	2 987	8 534	15 842
Myanmar	8 013	165	321	8 499
India	6 651	91	561	7 303
Pakistan	2 110	3	435	2 548
Sri Lanka	432	14	876	1 322
Filipina	319	16 321	54	16 694
Nepal	203	0	0	203
Brunei	2	0	0	2
Lain-lain	107	46	45	198
JUMLAH	174 833	65 394	81 530	321 757

Sumber : Jabatan Imigresen Malaysia , Mei 1996

8. Berdasarkan gambar rajah di bawah, bincangkan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi usaha-usaha mengurangkan gejala kemiskinan di negara-negara sedang membangun.

[20 markah]



(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Peter H-Omara-Ojunga, 1992, *Resource Management in Development in Developing Countries*, London : Longman Scientific & Technical)

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN KERTAS MODEL: SET 1/2001

Bil.	Isi/Idea	Huraian
	Pengenalan	Cetak rompak ialah aktiviti memplagiat atau meniplak hasil karya orang lain. Pengusaha hasil cetak rompak biasanya boleh hidup lumayan tanpa perlu bersusah payah. Kegiatan yang semakin berleluasa ini perlu dibendung dengan tindakan yang tegas agar lanun-lanun cetak rompak tidak terus bermaharajalela.
1.	<u>Faktor-faktor kegiatan cetak rompak berleluasa :</u> Pembeli	<ul style="list-style-type: none"> • Pembeli suka membeli barangan yang berharga murah dan bukannya barangan asli yang berharga mahal. • Tambahan pula barangan cetak rompak boleh didapati di mana-mana sahaja seperti di pasar malam, kaki-kaki lima dan di gerai-gerai makan. <p>Kualiti barangan cetak rompak juga hampir sama dengan yang asli maka, pengguna lebih suka membeli barangan cetak rompak yang murah tetapi kualitinya hampir sama dengan yang asli.</p>
2.	Penjual	<ul style="list-style-type: none"> • Penjual barangan cetak rompak ingin mengaut untung berlebihan melalui penjualan barangan cetak rompak. • Malahan, barangan cetak rompak boleh diperolehi dengan mudah. • Kegiatan ini semakin berleluasa kerana mendapat sokongan daripada pembeli.
3.	Penguatkuasaan undang-undang yang longgar	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak penguatkuasa kadangkala terlibat dengan rasuah. • Sindiket ini tidak dapat dikawal kerana kegiatannya terlampau banyak • Keadaan menjadi lebih buruk lagi kerana pihak penguatkuasa tidak serius ketika menjalankan tugas.
4.	<u>Langkah-langkah mengatasi :</u> Kempen	<ul style="list-style-type: none"> • Kempen boleh dilakukan melalui media elektronik dan cetak. • Filem-filem berkenaan cetak rompak juga boleh diterbitkan. • Satu lagi bentuk kempen ialah kempen jualan murah bagi VCD, CD dan kaset tulen.
5.	Menurunkan dan menstabilkan harga	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak penerbit perlu meningkatkan kualiti atau mutu album dan lagu.

	kaset, CD dan VCD	<ul style="list-style-type: none"> Langkah mengurangkan penghasilan album baru juga boleh dijalankan. Di samping itu, pihak penguatkuasa hendaklah mengawal kemasukan alat atau mesin mencetak. Ini boleh mengurangkan pengusaha melakukan kegiatan mencetak rompak.
6.	Langkah tegas oleh pihak penguatkuasa	<ul style="list-style-type: none"> Pihak berkuasa perlu menguatkuasakan undang-undang yang ditetapkan. Kerajaan hendaklah mewajibkan pengimport peralatan penyalinan didaftar dan mendapat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Setiap peniaga yang ingin menjual CD atau kaset perlu mendapatkan sijil berdaftar daripada Kementerian Dalam Negeri.

Soalan 2

Bil.	Isi / Idea	Huraian
	Pengenalan	Sukan suatu aktiviti sosial yang penting. Sukan bukan sahaja aktiviti rekreasi untuk pertumbuhan fizikal yang sihat malah menjadi bidang profesional yang boleh meningkatkan pendapatan. Selepas Sukan SEA ke XXI banyak pihak tertanya-tanya mengapa prestasi atlet olahraga merosot. Semua pihak harus bertanggungjawab dalam hal ini bukannya menuding jari ke arah orang lain.
1.	Kemudahan latihan	<ul style="list-style-type: none"> Pihak berkuasa perlu menyediakan peralatan sukan yang lebih lengkap bagi membolehkan atlet mendapat latihan yang sewajarnya. Kerajaan juga boleh menambah pembinaan stadium bertaraf antarabangsa dan memperbaiki stadium yang sedia ada. Lebih ramai atlet berpeluang menjalani latihan dengan baik. Contoh : pembinaan Stadium Bukit Jalil – membolehkan negara menganjurkan Sukan Komanwel, Sukan SEA dan seumpamanya.
2.	Skim Galakan	<ul style="list-style-type: none"> Skim ini merupakan daya tarikan utama untuk menggalakkan atlet bergiat cergas dalam arena sukan.

		<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Sukan Negara menyediakan hadiah istimewa kepada para atlet yang mencapai kejayaan cemerlang. Contohnya : RM 5,000 untuk pemenang pingat emas di Sukan SEA. • Galakan seperti penganugerahan juga boleh diberikan oleh kerajaan untuk merangsang para atlet mencapai kejayaan cemerlang.
3.	Semangat dan disiplin	<ul style="list-style-type: none"> • Semangat cinta akan negara dan disiplin yang kuat di kalangan atlet adalah faktor penting yang perlu ditanam dalam setiap atlet yang mengambil bahagian dalam sukan. • Oleh itu, jika ada ahli sukan yang gagal, diharap tidak ada yang mencemooh mereka sebaliknya memberikan motivasi supaya tidak patah semangat. • Contohnya, kejayaan Roslin Hashim (pemain badminton) mendapat emas dalam Sukan SEA adalah kerana sokongan dan tepukan gemuruh daripada para penyokong.
4.	Latihan	<ul style="list-style-type: none"> • Kewibawaan para jurulatih juga penting untuk kejayaan para atlet. • Jurulatih perlu mempunyai pemikiran terbuka dan sentiasa menimba pengetahuan tentang kaedah pendekatan terbaru dan berkesan dalam sukan yang dilatihnya. • Negara juga boleh menggunakan khidmat jurulatih luar negara supaya ahli-ahli sukan negara berpeluang mempelajari teknik dan kaedah yang lebih sistematik.
5.	Bakat-bakat baru	<ul style="list-style-type: none"> • Kebolehan ahli sukan juga bergantung kepada pendedahan yang diberikan. • Sekolah dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia perlu menganjurkan lebih banyak kejohanan demi mencungkil bakat-bakat baru. • Bakat-bakat baru juga harus didedahkan kepada latihan yang lebih profesional demi meningkatkan kebolehan dan kekuatan fizikal. • Majlis Sukan Malaysia dan Majlis Olimpik Malaysia mestilah melatih atlit-atlit yang berpotensi dan masih muda untuk mendapatkan latihan di luar negara.

Soalan 3

Bil.	Isi / Idea	Huraian
1	<u>Kebaikan-kebaikan</u> Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar boleh belajar menggunakan teknologi maklumat dan e-book. • Maklumat diteroka menerusi jaringan internet. • Pelajar boleh belajar secara terarah sendiri.
2	Guru	<ul style="list-style-type: none"> • Di Sekolah Bestari, guru berperanan sebagai fasilitator / pemudah cara. • Menyediakan pembelajaran yang menyeronokkan, iaitu penggunaan komputer (berwarna/ bersuara / animasi) • Kerja-kerja pelajar boleh disemak melalui e-mail.
3	Pentadbiran	<ul style="list-style-type: none"> • Memudahkan penglibatan ibu bapa, komuniti dan sekolah. • Ibu bapa pelajar boleh dihubungi melalui e-mail. • Pentadbir boleh menguruskan sumber dengan cekap dan berkesan.
4	<u>Langkah-langkah</u> Perbelanjaan	<ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan sekurang-kurangnya RM 300 juta. • Digunakan untuk pembelian komputer. • Kerajaan juga menggalakkan pembelian komputer dengan dasar "satu rumah satu komputer" .
5	Memberi latihan	<ul style="list-style-type: none"> • Guru-guru mestilah celik komputer dan mampu menguasai teknologi maklumat. • Pensyarah dihantar ke luar negara seperti Kanada untuk memperkembang ilmu mengenai Teknologi Maklumat (IT). • Maktab-maktab perguruan juga mesti dilengkapi dengan komputer.

Soalan 4

Bil.	Isi /Idea	Huraian
1	<u>Punca-punca</u> Pesakit pernah mengalami sejarah hitam	<ul style="list-style-type: none"> • Pesakit pernah menerima tekanan atau didera pada masa lalu. • Pesakit mungkin juga mengalami insiden atau pengalaman pahit seperti pernah dirogol atau dianiaya. • Sejarah hitam yang tidak mungkin juga dilupakan oleh pesakit ialah pernah / telah ditinggalkan oleh orang yang disayangi.
2	Tekanan perasaan / mental	<ul style="list-style-type: none"> • Memiliki sindrom klineflekten. • Sering bertindak secara sadis. • Selalu berfikiran negatif. • Mempunyai hormon xyy.
3	<u>Langkah-langkah mengatasinya</u> Usaha oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji masalah ini secara mendalam dan serius. • Cuba mencari penyelesaian melalui kaedah saintifik mahupun tradisional. • Pihak berkuasa perlu bertindak cepat dengan menangkap semula pesakit dari hospital.
4	Tanggungjawab orang ramai	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu bersama-sama mengatasi masalah ini. • Orang ramai hendaklah cepat melaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab jika berlaku perkara-perkara yang tidak diingini. Keluarga pesakit perlu memastikan pesakit mental tidak bertindak secara agresif.
5	Memberi rawatan yang secukupnya kepada pesakit	<ul style="list-style-type: none"> • Rawatan boleh diberi secara psikologi. • Pesakit juga hendaklah dibawa berjumpa dengan pakar psikiatri. • Bagi penyakit mental yang serius, pesakit boleh dirawat menggunakan kaedah kejutan elektrik.

Soalan 5

Langkah Persediaan :

1. Membina Jadual :

HAK MILIK MODAL SAHAM SYARIKAT BERHAD DI MALAYSIA 1990 DAN 1995 (%)

Bil.	Kumpulan Hakmilik	1990 (RM Juta)	%	Saiz sudut	1995 (RM Juta)	%	Saiz sudut
1	Bumiputera	20,877.5	19.3	69.5	36,981.2	20.6	72.4
2	Cina	49,296.5	45.5	163.8	73,552.7	40.9	147.2
3	India	1,068.0	1.0	3.6	2,723.1	1.5	5.4
4	Lain-lain	712.6	0.7	2.5	1,751.1	1.0	3.6
5	Rakyat Asing	27,202.7	25.1	90.4	49,792.7	27.7	99.7
6	Syarikat Nomini	9,220.1	8.5	30.6	14,991.4	8.3	29.9
	Jumlah	108,377.4	100	360	179,792.1	100	360

2. Pengiraan :


$$\text{Jejari (Tahun 1990)} = \sqrt{108,377.4} = 329.2$$

$$\text{Jejari (Tahun 1995)} = \sqrt{179,792.1} = 424$$

$$\begin{aligned} \therefore \text{Nisbah Jejari} &= \frac{329.2}{329.2} : \frac{424}{329.2} \\ &= 1 : 1.3 \end{aligned}$$

Saiz sudut

$$\begin{aligned} \text{Bumiputera} &= \text{Peratus} \times 3.6^\circ \\ &= 19.3 \times 3.6^\circ \\ &= \underline{69.5^\circ} \end{aligned}$$



- Pemilikan ekuiti korporat milik bumiputera
- Pemilikan ekuiti kumpulan etnik Cina
- Pemilikan ekuiti kumpulan etnik India
- Lain-lain
- Pemilikan ekuiti rakyat asing
- Pemilikan ekuiti syarikat Nomini

Sumber : Rancangan Malaysia ketujuh 1996 -2000

Soalan 6

Jadual Persediaan


MALAYSIA : BILANGAN PEGAWAI KERAJAAN DITAJA BERKURSUS
MENGIKUT JENIS KURSUS 1988 – 1992

Bil.	Tahun / Kursus	1988	1989	1990	1991	1992
1	SIJ	1500	1600	1800	2150	2100
2	DLI	120	100	200	250	210
3	SAR	350	320	250	550	270
4	PHD	1994	2022	2289	3004	2708
	Jumlah	3964	4042	4539	5954	5288


(Sumber : Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) 1993)

BILANGAN PEGAWAI KERAJAAN DITAJA BERKURSUS MENGIKUT PERINGKAT KURSUS BAGI 1988-1992

Bilangan orang



Skala = 2cm = 1000 orang pegawai



Sumber = Institut Tadbiran Awam
(INTAN) 1993

Soalan 7

a) Perbezaan pola kemasukan buruh asing ke negara ini :

Idea Utama 1 (IU1) : Perbezaan pola (1/2m)	Negara asal (1/2m)	Bukti (1 m)
Paling tinggi	Indonesia	220 813
Kedua tinggi	Bangladesh	48 333
Terendah	Brunei	2
Idea Utama 2 (IU 2) : Perbezaan pola (1/2m) Pekerja binaan	Kemahiran (1/2m)	Bukti (1 m)
Paling tinggi	Indonesia	106 890
Kedua tinggi	Bangladesh	45 785
Terendah	Brunei	2
Idea Utama 3 (IU 32) : Perbezaan pola (1/2m)	Kemahiran (1/2m) Pembantu rumah	Bukti (1 m)
Paling tinggi	Indonesia	45 678
Kedua tinggi	Filipina	16 321
Terendah	Pakistan	3
Idea Utama 3 (IU 3) : Perbezaan pola (1/2m)	Kemahiran (1/2m) Pembantu rumah	Bukti (1 m)
Paling tinggi	Indonesia	45 678
Kedua tinggi	Filipina	16 321
Terendah	Pakistan	3
Idea Utama 4 (IU 4) : Perbezaan pola (1/2m)	Kemahiran (1/2m) Pekerja Ladang	Bukti (1 m)
Paling tinggi	Indonesia	68 245
Kedua tinggi	Thailand	8 534
Terendah	Lain-lain	45

b) Kesan kemasukan buruh asing ke negara kita dari aspek sosial dan ekonomi:

sosial :

1. Merebaknya aktiviti yang tidak diinginkan dan disenangi masyarakat seperti perkahwinan kontrak, pembuangan bayi dan penderaan.
2. Masalah sosial semakin buruk sehingga tidak dapat dibendung seperti kecurian dan pembunuhan.
3. Negara berada dalam keadaan tergugat apabila masyarakat tidak bersatu akibat kekacauan oleh buruh asing.
4. Masyarakat menjadi semakin majmuk sehingga sukar dikawal semangat jadi diri sendiri.

ekonomi :

1. Boleh mengisi kekosongan jawatan yang kurang diminati oleh masyarakat setempat seperti pembantu rumah, pekerja ladang dan di tapak pembinaan.
2. Menyuntik pembangunan ekonomi negara kerana tiada lagi pengangguran di sektor-sektor yang tidak diminati oleh penduduk setempat.
3. Pengaliran wang ke luar negara kerana gaji pekerja asing selalunya dihantar ke kampung untuk menyara kehidupan keluarga.
4. Majikan lebih suka menggaji pekerja asing kerana mereka rajin bekerja tetapi gaji yang diberi sangat sedikit.

Pemberian Markah :

1. IU 4 IU x ½m	= 4
2. Bukti 4 x 1 m	= 4
3. Huraian 4 isi x 2 m	= 8
4. Bahasa	= 2
5. Rumusan	= <u>2</u>
	<u>20</u>

Soalan 8

Idea Utama (IU)	Huraian Penjelasan (HP)
1. Penggunaan sumber yang cekap – membina asas perindustrian	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan sumber yang cekap mendorong pembinaan asas ekonomi dan perindustrian yang kukuh. • Sumber yang cekap juga ialah kebijaksanaan memanipulasi guna tenaga dengan baik dan cekap. • Jika sumber digunakan dengan cekap dan gunatenaga dimanipulasi dengan baik maka ini dapat mendorong pada peningkatan kekayaan material seterusnya boleh menurunkan kadar kemiskinan.
2. Penggunaan sumber yang cekap – menggalakkan ekonomi berasaskan eksport	<ul style="list-style-type: none"> • Jika negara membangun menumpukan perhatian pada ekonomi berasaskan eksport, ini mendorong kepada proses imbalan pembayaran yang positif. • Keadaan ini seterusnya boleh menyebabkan penurunan kadar kemiskinan di negara sedang membangun.

<p>3. Penggunaan sumber yang cekap – mendorong peningkatan produktiviti</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan sumber yang cekap juga mendorong berlakunya peningkatan produktiviti. • Apabila produktiviti meningkat maka pendapatan pekerja juga akan meningkat dan ini seterusnya membawa kepada peningkatan kekayaan material. • Jika masyarakat mempunyai kekayaan dari segi material maka ini semua menyebabkan penurunan kadar kemiskinan di kalangan negara sedang membangun.
---	---

Pemarkahan :

1 IU (Idea Utama)	3 IU x 1 m = 3 m
2 HP (Huraian Penjelasan)	3 HP x 4 m = 12 m
3 B (Bahasa)	= 3 m
4 R (Rumusan)	<u> 2 m</u>
	20 m